

22 MAY 1998

Dana

SERAH KUTIPAN SUMBANGAN DANA KHAS SELEWAT-LEWATNYA 1 JULAI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Semua sumbangan kakitangan kerajaan kepada Dana Khas Negara (DKN) hendaklah diserahkan kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya 1 Julai ini, kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Dr Aris Othman.

Katanya, semua kutipan itu hendaklah disalurkan melalui ketua-ketua setiausaha kementerian, setiausaha-setiausaha kerajaan negeri, Ketua-ketua badan berkanun dan ketua-ketua pihak berkuasa tempatan.

Kutipan itu hendaklah dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 7, Blok 9, Kompleks Kerajaan, Jalan Duta, 50592 Kuala Lumpur, (U.P. Unit Kawalan Kewangan), katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, berikutan perbincangan antara Cuepacs dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Jabatan Perkhidmatan Awam bersetuju supaya kakitangan kerajaan yang tidak terlibat dalam pemotongan elaun mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/97 menyumbang RM10 atau satu peratus daripada imbuhan 1997 kepada DKN.

Surat arahan Perbendaharaan mengenai perkara itu telah dihantar kepada semua ketua setiausaha kementerian, setiausaha kerajaan negeri, ketua jabatan persekutuan dan negeri, ketua pengurusan badan berkanun persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan untuk menjayakan kutipan itu.

Tarikh tutup kutipan sumbangan kakitangan kerajaan kepada ketua jabatan masing-masing ialah ialah 30 Jun.

Dua hari lepas, Presiden Cuepacs Abdul Aziz Mohd Sultan berkata cadangan pemotongan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) baru-baru ini.

Menurut beliau kira-kira 200,000 kakitangan sektor awam terbabit dalam pemotongan itu dengan nilai kutipan dianggarkan RM50 juta.

Beliau berkata JPA telah bersetuju supaya kakitangan kerajaan Kumpulan B Biasa dan ke bawah menyumbang RM10 atau satu peratus daripada bonus mereka kepada DKN.

-- BERNAMA

NZ WAT